



SOALAN LAZIM (FAQ)
PERMOHONAN, PENDAFTARAN KEMASUKAN DAN
AKTIVITI PENGAJARAN & PEMBELAJARAN (PdP)
SESI 2020/JUN UniSHAMS

PENDAFTARAN KEMASUKAN KE UNISHAMS

1. Saya berminat menyambung pengajian di UniSHAMS. Bagaimanakah cara permohonan?

Cara permohonan *online*:

- a. Masuk laman web UniSHAMS (www.unishams.edu.my)
- b. Pilih Permohonan Online > pilih Undergraduate atau Postgraduate dan ikuti arahan seterusnya.

Panduan lengkap permohonan *online*, sila klik link berikut:
<http://unishams.edu.my/portal/panduan-permohonan-kemasukan-secara-online>

2. Saya telah memohon kemasukan ke UniSHAMS secara *online*, bilakah saya boleh tahu permohonan saya berjaya?

Anda perlu membuat semakan permohonan samada berjaya ataupun tidak dalam tempoh 3 – 5 hari daripada tarikh anda memohon *online*. Caranya:

- a. Masuk laman web UniSHAMS (www.unishams.edu.my)
- b. Klik pada Permohonan Online > pilih Undergraduate atau Postgraduate > login (masukkan no ic) dan klik submit > Keputusan permohonan dipaparkan > Jika anda bersetuju sambung di UniSHAMS, klik confirm registration.

Panduan lengkap semakan permohonan *online*, sila klik link berikut (scroll down – di bahagian **PANDUAN MENYEMAK KEPUTUSAN PERMOHONAN**):
<http://unishams.edu.my/portal/panduan-permohonan-kemasukan-secara-online>

3. Setelah saya bersetuju menerima tawaran masuk UniSHAMS, apakah yang perlu saya buat?

Pelajar perlu **mencetak** dan **melengkapkan semua maklumat** (boleh semak di <http://semak.unishams.edu.my>) dan **bawa bersama pada tarikh 4 Julai 2020**. Sila baca Panduan Kemasukan yang disertakan bersama-sama Surat Tawaran (Panduan Kemasukan tidak perlu dicetak).

Maklumat yang perlu pelajar bawa ialah:

- a. Borang-Borang Maklumat Pelajar iaitu:
 - i. Borang Maklumat Pelajar
 - ii. Borang Jaminan Kewangan
 - iii. Borang Kebenaran Menjalankan Aktiviti
 - iv. Borang Keizinan Pembedahan
- b. Borang Laporan Kesihatan
- c. Borang Jawapan Penerimaan Tawaran
- d. Yuran Pengajian

Nota: Semua dokumen yang diperlukan mengikut Senarai Semak Dokumen di dalam Panduan Kemasukan dan hendaklah dihantar pada 4 Julai 2020

4. Bagaimana dengan Yuran?

Anda perlu membayar yuran pendaftaran sebanyak **RM 250.00 (Program Asasi) / RM660 (Program Diploma / Ijazah)**. Sila rujuk tata cara bayaran seperti yang disertakan dalam Surat Tawaran. Bayaran boleh dibuat selepas 7 hari daripada surat tawaran dikeluarkan sehingga 2 hari sebelum hari pendaftaran.

5. Apa yang perlu saya lakukan apabila telah membayar Yuran (internet banking)?

Pelajar MESTI menghantar Resit Bayaran ke unithasil@unishams.edu.my

6. Adakah saya perlu hadir ke kampus UniSHAMS semasa hari pendaftaran nanti?

Mengikut Takwim Akademik Tarikh Pendaftaran Sesi 2020/Jun adalah pada **20 Jun 2020**. Memandangkan pendaftaran dijalankan secara online, pelajar **tidak perlu hadir** pada tarikh tersebut.

7. Jadi, bilakah tarikh yang perlu saya hadir ke kampus UniSHAMS, Kuala Ketil?

- a. Bagi semua pelajar baharu Program **Diploma** atau **Ijazah Sarjana Muda** (bagi program-program pengajian tertentu yang telah ditetapkan oleh pihak universiti) sesi 2020/Jun, anda perlu hadir ke kampus Kuala Ketil pada **4 Julai 2020 (Sabtu) jam 9 pagi – 3 petang**.

- b. Sila bawa bersama semua dokumen yang telah disenaraikan dalam Surat Tawaran.
- c. Pada hari tersebut, pelajar akan terus mendaftar di Asrama. Panduan ke Asrama akan diberikan.

8. Adakah permohonan masih dibuka dan bilakah tarikh tutup?

- a. Permohonan masih dibuka (rujuk no 1).
- b. Tarikh tutup permohonan Program Asasi ialah pada **28 Jun 2020**
- c. Tarikh tutup permohonan Program Diploma, Ijazah Sarjana Muda dan Sarjana ialah pada **18 Julai 2020**
- d. Permohonan Program Doktor Falsafah/PhD adalah terbuka sepanjang tahun.

9. Saya berjaya sambung pengajian ke Program Asasi? Perlukah saya hadir ke UniSHAMS?

Tidak perlu. Pendaftaran dan Kelas akan dijalankan secara dalam talian. Sila hubungi:
012-6248044 - Ustazah Fadlina
019-6819295 - Ustazah Shahida
017-5470414 - Cik. Farhana

KULIAH (SESI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN – PdP)

10. Bilakah kuliah akan bermula?

Kuliah akan bermula secara dalam talian bermula pada tarikh berikut:

- a. Bagi pelajar Program Asasi, kuliah bermula pada **14 Jun 2020**.
- b. Bagi pelajar Program Diploma, Ijazah Sarjana Muda dan Sarjana, kuliah bermula pada **5 Julai 2020**.

Sila rujuk Kalender Akademik di laman web UniSHAMS (www.unishams.edu.my) dan dalam portal pelajar masing-masing.

11. Saya pelajar baharu, bagaimanakah untuk masuk ke portal pelajar?

Panduan menggunakan portal pelajar akan diberikan selepas pelajar selesai proses pendaftaran *online* di UniSHAMS.

12. Perlukah saya hadir ke kampus UniSHAMS untuk memulakan kuliah kerana saya difahamkan kuliah akan dimulakan pada 5 Julai 2020?

Kenyataan daripada Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) pada 27 Mei 2020, adalah seperti berikut:

Semua aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) hendaklah dilaksanakan secara dalam talian sehingga **31 Disember 2020**. **Semua aktiviti PdP** secara bersemuka adalah **tidak dibenarkan**. Walau bagaimanapun, **pengecualian** diberikan

kepada kategori pelajar berkeperluan untuk pulang ke kampus secara berperingkat bagi melaksanakan PdP seperti berikut:

1. Pelajar Pasca-Siswazah Mod Penyelidikan yang Berkeperluan
2. Pelajar semester / tahun akhir Program Diploma dan Ijazah Sarjana Muda yang memerlukan praktikal dan peralatan khas
3. Pelajar semester/ tahun akhir yang tidak mempunyai akses dan persekitaran tidak kondusif
4. Pelajar berkeperluan Khas
5. Pelajar baharu bagi peringkat sijil, asasi, diploma, dan ijazah sarjana muda bagi sesi akademik 2020/2021

13. Saya ialah pelajar baharu Asasi UniSHAMS. Bagaimakah aktiviti PdP saya sepanjang sesi 2020/Jun?

Bil	Kategori Pelajar	Aktiviti PdP
1.	Kategori 1 : Pelajar Program Asasi Pengajian Islam	<p>Kaedah dibenarkan:</p> <ul style="list-style-type: none">i. Pendaftaran pelajar secara atas talian; danii. PdP secara dalam talian <p>Keperluan :</p> <p>Terus kekal berada di kediaman masing-masing</p> <p>Keperluan capaian internet:</p> <p>Jika mempunyai masalah capaian internet boleh membuat permohonan kepada Bahagian Hal Ehwal Pelajar dengan menghantar e-mel melalui Pusat Pengajian Asasi untuk hadir ke kampus dan tinggal di asrama UniSHAMS.</p>
2	Kategori 2 : Pelajar Program Asasi Pengurusan & Asasi Sains	<p>Kaedah dibenarkan:</p> <ul style="list-style-type: none">i. Pendaftaran pelajar secara atas talian; danii. PdP secara dalam talian dan bersemuka (bagi kursus terpilih yang akan dimaklumkan oleh pihak Pusat Pengajian Asasi) <p>Keperluan :</p> <ul style="list-style-type: none">i. Minggu 1-8 : Terus kekal berada di kediaman masing-masingii. Minggu 9-14 : Wajib menginap di asrama

14. Saya ialah pelajar baharu UniSHAMS sesi 2020/Jun. Bagaimakah aktiviti PdP bagi pelajar baharu Program Diploma, Ijazah Sarjana Muda dan Sarjana?

Bil	Kategori	Program	Aktiviti PdP
1	Pelajar Diploma	Pengajian	<p>Kaedah dibenarkan:</p> <ul style="list-style-type: none">i. Pendaftaran pelajar secara atas talian; dan

	Islam dan Bidang Pengajian Islam Ijazah Sarjana Muda serta Sarjana (Bahasa Arab,Syariah, Usuluddin dan Tahfiz)	<p>ii. PdP secara dalam talian</p> <p>Keperluan : Terus kekal berada di kediaman masing-masing</p> <p>Keperluan capaian internet: Jika mempunyai masalah capaian internet boleh membuat permohonan kepada Bahagian Hal Ehwal Pelajar dengan menghantar e-mel melalui Kulliyyah/Pusat Pengajian untuk hadir ke kampus dan tinggal di asrama UniSHAMS mulai 4 Julai 2020.</p>
2	Pelajar Program Diploma, Ijazah Sarjana Muda serta Sarjana Selain Bidang Pengajian Islam (Muamalat, Hospitaliti, Kewangan dan Perbankan Islam, Kaunseling dan Perubatan)	<p>Kaedah dibenarkan:</p> <ul style="list-style-type: none"> ii. Pendaftaran pelajar secara atas talian; dan iii. PdP secara dalam talian dan bersemuka (bagi kursus terpilih yang akan dimaklumkan oleh pihak Kulliyyah/Pusat Pengajian) <p>Keperluan :</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Pelajar wajib menginap di asrama ii. Mendaftar masuk bermula 4 Julai 2020

15. Bagaimakah aktiviti PdP bagi pelajar Pasca-Siswazah Mod Penyelidikan yang Berkeperluan?

Bil	Kategori	Akriviti PdP						
1	Pelajar Pasca-Siswazah Mod Penyelidikan yang Berkeperluan	<p>Kategori Pelajar: Pelajar pasca-siswazah Mod Penyelidikan sahaja</p> <p>Tarikh dibenarkan pulang ke kampus: Serta merta</p> <p>Kaedah PdP dibenarkan: Bersemuka dengan penggunaan makmal, bengkel, studio relabentuk atau peralatan khusus penyelidikan</p>						
16. Saya ialah pelajar tahun akhir UniSHAMS. Bagaimakah aktiviti PdP bagi pelajar semester / tahun akhir Program Diploma dan Ijazah Sarjana Muda yang memerlukan praktikal dan peralatan khas?								
<table border="1"> <tr> <td>Bil</td> <td>Kategori</td> <td>Aktiviti PdP</td> </tr> <tr> <td>1</td> <td>Pelajar semester / tahun akhir Program Diploma dan Ijazah Sarjana Muda yang memerlukan praktikal dan peralatan khas,</td> <td> <p>Kategori pelajar :</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Pelajar Semester/Tahun Akhir Peringkat Sijil, Diploma dan Ijazah Sarjana Muda sahaja; ii. Pelajar dari program yang memerlukan kaedah dan peralatan khusus mengikut keperluan Badan Professional. </td></tr> </table>			Bil	Kategori	Aktiviti PdP	1	Pelajar semester / tahun akhir Program Diploma dan Ijazah Sarjana Muda yang memerlukan praktikal dan peralatan khas,	<p>Kategori pelajar :</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Pelajar Semester/Tahun Akhir Peringkat Sijil, Diploma dan Ijazah Sarjana Muda sahaja; ii. Pelajar dari program yang memerlukan kaedah dan peralatan khusus mengikut keperluan Badan Professional.
Bil	Kategori	Aktiviti PdP						
1	Pelajar semester / tahun akhir Program Diploma dan Ijazah Sarjana Muda yang memerlukan praktikal dan peralatan khas,	<p>Kategori pelajar :</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Pelajar Semester/Tahun Akhir Peringkat Sijil, Diploma dan Ijazah Sarjana Muda sahaja; ii. Pelajar dari program yang memerlukan kaedah dan peralatan khusus mengikut keperluan Badan Professional. 						

Tarikh dibenarkan pulang ke kampus:
Pada tarikh yang ditetapkan oleh pihak Kulliyyah/Pusat Pengajian mengikut keperluan kursus.
Keperluan :
Pelajar boleh menginap di asrama atau di rumah sewa.

Kaedah PdP dibenarkan:
Bersemuka dengan melaksanakan kerja-kerja praktikal, klinikal, makmal, bengkel, studio atau memerlukan peralatan khusus;

17. Saya pelajar semester/tahun akhir yang tidak mempunyai akses yang diperlukan dan persekitaran tidak kondusif bagi melaksanakan PdP dalam talian aktiviti di rumah. Bagaimanakah aktiviti PdP saya?

Bil	Kategori	Aktiviti PdP
1	Pelajar semester/ tahun akhir yang tidak mempunyai akses yang diperlukan dan persekitaran tidak kondusif bagi melaksanakan PdP dalam talian	Kategori Pelajar: Pelajar dikenalpasti tidak mempunyai akses yang diperlukan dan persekitaran tidak kondusif bagi melaksanakan PdP dalam talian. Pelajar perlu membuat permohonan rasmi dengan menghantar e-mel kepada Bahagian Hal Ehwal Pelajar melalui Kulliyyah dan Pusat Pengajian masing-masing.

Tarikh dibenarkan pulang ke kampus:
4 Julai 2020 (Ahad) sebelum kelas bermula.

Keperluan :
Pelajar boleh menginap di asrama atau di rumah sewa.

Kaedah PdP :
Secara dalam talian menggunakan infrastruktur di kampus

18. Adakah saya boleh hadir ke kampus dan tinggal di asrama atau di rumah sewa sekiranya saya tidak termasuk di dalam 5 kategori yang diberikan pengecualian oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) ?

Semua pelajar yang tidak termasuk dalam 5 kategori pengecualian tersebut **aktiviti pdp adalah secara atas talian sepenuhnya dan kekal berada di kediaman masing-masing.**

19. Apa maksud kuliah secara atas talian?

Maksud kuliah atas talian ialah Pelajar akan mengikuti kelas melalui aplikasi **Google Classroom** atau mana-mana aplikasi sokongan yang ditentukan oleh pensyarah anda.

20. Apakah peralatan yang saya perlukan untuk mengikuti kelas *online*?

Telefon bimbit (*handphone*) atau komputer dan talian internet.

21. Adakah perlu saya mendaftar kursus (subjek)?

Bagi **pelajar baharu** program asasi dan diploma, anda tidak perlu mendaftar kursus (subjek) pada semester 2020/Jun ini. Kursus (subjek) akan didaftarkan secara automatik di dalam sistem. Pelajar hanya perlu memilih kumpulan (group) bagi kursus/subjek yang telah didaftarkan dalam portal pelajar.

Bagi pelajar program Ijazah Sarjana Muda, Diploma Pascasiswazah dan Ijazah Sarjana, sistem tidak akan mendaftarkan kursus secara automatik tetapi perlu mendaftar sendiri kursus yang hendak diambil di dalam portal pelajar.

22. Bagaimana cara saya perlu memilih kumpulan (group)?

Pelajar baharu perlu memilih kumpulan (group) melalui portal pelajar. Link ke portal pelajar akan diberikan semasa pelajar mendaftar kemasukan *online*. Apabila anda berjaya masuk ke portal masing-masing, pelajar akan diberi arahan langkah-langkah memilih kumpulan (group).

PEPERIKSAAN AKHIR SEMESTER I SESI 2020/JUN

23. Bagaimanakah dengan peperiksaan akhir, adakah akan dibuat secara dalam talian?

Tiada peperiksaan akhir kerana telah digantikan dengan Penilaian Akhir (Penilaian Berterusan) yang akan ditentukan oleh Kulliyyah/Pusat mengikut garis panduan KPT dan MQA melalui kawal selia oleh Pusat Jaminan Kualiti.

PENANGGUHAN PENGAJIAN

24. Sekiranya saya tidak mahu meneruskan pengajian bagi Semester I Sesi 2020/Jun ini, adakah pihak Universiti membenarkan?

Berdasarkan Peraturan Akademik UniSHAMS, anda dibenarkan menangguhkan pengajian semester I ini tanpa dikira semester tersebut atas sebab bencana/masalah peribadi. Anda perlu mengemukakan permohonan rasmi kepada Kulliyyah/Pusat melalui e-mel.

PENGGUNAAN MAKMAL

25. Saya perlu menggunakan kemudahan makmal di UniSHAMS untuk melengkapkan Projek Akhir atau projek penyelidikan saya. Boleh saya pulang ke UniSHAMS?

Boleh, kerana merujuk Surat Pemakluman Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) bertarikh 3 Jun 2020 selepas penamatan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) yang kini digantikan dengan Perintah Kawalan Pergerakan Permudahan (PKPP) **kebenaran hanya** kepada pelajar Semester/ Tahun Akhir bagi pengajian di peringkat Sijil, Diploma dan Ijazah Sarjana Muda yang perlu melaksanakan kerja-kerja klinikal, latih amal, makmal, bengkel, studio reka bentuk, praktikal atau yang memerlukan peralatan khusus **untuk melaksanakan PdP di kampus seawal 1 Julai 2020.**

PROJEK AKHIR, PROJEK SARJANA ATAU PROJEK PENYELIDIKAN

- 26. Saya pelajar Sarjana/PhD yang akan memulakan penulisan desrtasi/tesis. Apakah tindakan yang perlu saya lakukan?**

Pelajar Ijazah Sarjana/PhD yang akan memulakan penulisan desrtasi/tesis perlu berhubung dengan pihak Kulliyah/Pusat Pengajian bagi proses pemilihan tajuk, penentuan penyelia, pendaftaran tajuk dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

- 27. Saya pelajar pasca-siswazah sedang menyiapkan projek sarjana/ projek penyelidikan. Sebahagian daripadanya tidak dapat disempurnakan dalam tempoh Semester II sesi 2019/ Dis kesan daripada Perintah Kawalan Pergerakan dan Wabak Covid-19. Apa yang perlu saya lakukan?**

Pelajar perlu menghubungi PPSP bagi tindakan lanjut bagi urusan tersebut. Walau bagaimanapun bagi pelajar pascasiswazah mod penyelidikan di Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) diberikan **kebenaran serta merta** menyambung penyelidikan dengan kadar segera. Kelonggaran ini hanya dibenarkan kepada pelajar yang berkeperluan hadir secara fizikal ke makmal, bengkel, studio reka bentuk atau memerlukan peralatan khusus bagi menjalankan penyelidikan.

LATIHAN INDUSTRI

- 28. Saya akan menjalani Latihan Industri (LI) pada semester 1 sesi 2020/Jun, adakah saya perlu teruskan?**

Merujuk Surat Pemakluman Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) bertarikh 3 Jun 2020 pelajar semester / tahun akhir Program Diploma dan Ijazah Sarjana Muda yang memerlukan praktikal dan peralatan khas **boleh** menjalani Latihan Industri (LI) atau diganti dengan **Kertas Projek** mengikut bidang pengajian masing-masing **seawal 1 Julai 2020.**

LAPORAN KEMAJUAN BAGI PELAJAR PASCA SISWAZAH

- 29. Adakah pelajar Sarjana penyelidikan dan Doktor Falsafah dan mod campuran masih perlu mengisi laporan kemajuan bagi semester 1 sesi 2020/Jun?**

Jika status pelajar aktif, **Ya** anda perlu mengisi laporan kemajuan bermula pada semester tersebut.

PENGHANTARAN TESIS & DISSERTASI

- 30. Jika saya telah memenuhi syarat menghantar tesis, adakah saya boleh menghantar tesis bagi tujuan peperiksaan lisan.**

Sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Permudahan (PKPP), sekiranya anda telah menyiapkan tesis dan mempunyai dokumen yang lengkap untuk penghantaran tesis, anda boleh menghantar tesis secara online ke e-mel timbpengarahppsp@unishams.edu.my. Salinan tesis hardcopy perlu dihantar ke pejabat PPSP selepas keadaan bertambah baik.

- 31. Saya ialah pelajar penyelidikan pada semester akhir dan tidak dapat menyiapkan tesis pada semester ini kerana pelbagai kesukaran ketika wabak ini. Apa yang perlu saya buat?**

Pelajar-pelajar yang menghadapi masalah untuk menyiapkan desertasii/tesis dikeranakan wabak covid-19 boleh memohon pelanjutan tempoh pengajian kepada pihak PPSP.

- 32. Saya ialah pelajar penyelidikan berstatus peperiksaan (sedang buat pembetulan tesis) pada semester ini kerana pelbagai kesukaran ketika wabak ini. Apa yang perlu saya buat?**

Pelajar-pelajar yang menghadapi masalah untuk menyiapkan pembetulan desertasii/tesis kerana wabak covid-19 boleh memohon pelanjutan tempoh pengajian kepada pihak PPSP.

PEPERIKSAAN LISAN / VIVA VOCE

- 33. Saya telah menghantar tesis dan menunggu tarikh peperiksaan lisan. Bagaimana saya boleh tahu proses tersebut?**

Pelaksanaan Peperiksaan Lisan/Viva Voce selama tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) adalah dijalankan secara bersemuka atau dalam talian. Anda akan dihubungi untuk penetapan tarikh peperiksaan lisan yang sesuai. Anda berhak untuk menyatakan persetujuan (atau sebaliknya) dengan tarikh yang dicadangkan.

LAIN-LAIN

- 34. Saya merupakan pelajar tahun akhir Diploma Perakaunan UniSHAMS dan berminat untuk meneruskan pengajian ke peringkat Sarjana Muda di**

UniSHAMS. Memandangkan tempoh PKPP masih berlanjutan, adakah tempoh permohonan juga akan dilanjutkan?

Kemasukan Program Sarjana Muda bagi Sesi Akademik 2020/Jun adalah pada 20 Jun 2020. Pelajar masih dibenarkan mendaftar secara dalam talian sehingga 18 Julai 2020 (Pendaftaran Terbuka).

- 35. Saya merupakan pelajar Asasi UniSHAMS yang telah membuat permohonan melalui sistem permohonan UniSHAMS, walau bagaimanapun, saya masih belum mendapat keputusan MUET. Bolehkah saya meneruskan permohonan?**

Boleh. Anda diminta untuk melengkapkan permohonan dalam tempoh yang ditetapkan secara dalam talian dan MUET boleh diambil pada bila-bila semester sebelum tamat pengajian.

- 36. Saya berminat untuk meneruskan pengajian ke peringkat Sarjana/PhD. Adakah saya masih boleh membuat permohonan program pascasiswazah di UniSHAMS?**

Ya. Anda boleh membuat permohonan secara dalam talian seperti arahan di No 1 seperti di atas.

- 37. Saya telah menerima surat tawaran untuk meneruskan pengajian Sarjana secara penyelidikan bagi Semester I, Sesi 2020/Jun. Adakah saya dibenarkan mendaftar dalam waktu terdekat ini?**

Tahniah kerana memilih UniSHAMS dan untuk makluman anda kemasukan pelajar Pasca Siswazah mod penyelidikan di UniSHAMS pada 20 Jun 2020 secara dalam talian.

- 38. Saya telah mendapat surat tawaran pengajian peringkat pascasiswazah di UniSHAMS dan perlu mendaftar dalam tempoh terdekat. Bolehkah saya menangguhkan pendaftaran saya. Bolehkah saya kembali ke kampus supaya lebih mudah fokus kepada pembelajaran saya?**

Pelajar pascasiswazah baharu boleh meneruskan pengajian secara atas talian. Pelajar tidak perlu hadir ke kampus.

Pelajar pascasiswazah mod penyelidikan sahaja yang dibenarkan hadir ke UniSHAMS untuk menyambung penyelidikan dengan kadar segera. Sila hubungi penyelia anda.

- 39. Saya bukan pelajar semester/tahun akhir dan internet di kampung saya bermasalah. Adakah boleh saya balik ke kampus untuk mendapatkan kemudahan wifi universiti?**

Berdasarkan arahan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), hanya pelajar semester / tahun akhir yang perlu melaksanakan kerja-kerja klinikal, latih amal, makmal, bengkel, studio reka bentuk, praktikal atau yang memerlukan peralatan khusus sahaja yang dibenarkan untuk pulang ke kampus seawal 1 Julai 2020.

Bagi pelajar **bukan** semester/tahun akhir, PdP tetap dijalankan sepenuhnya **secara atas talian sehingga 31 Disember 2020 dan kaedah bersemuka tidak dibenarkan**. Pensyarah anda akan menyediakan kaedah pengajaran yang bersesuaian dengan anda. Hubungi pensyarah anda.

40. Bagaimana kaedah PdP untuk Sesi 2020/Disember?

Kaedah PdP Sesi 2020/Disember akan diumumkan kemudian.